

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

25. Apakah syor Kerajaan Negeri untuk Suruhanjaya Pilihan Raya bagi meningkatkan kualiti dan mutu pengurusan pusat mengundi seperti tugasan Ketua Tempat Mengundi dan lain-lain?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

25. Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa kekurangan serta kelemahan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam mengurus dan melaksanakan pilihan raya. Antara kelemahan yang dikesan adalah :-

- (i) Kekurangan pengalaman mengurus pilihan raya dari pegawai tetap SPR kerana hampir 90% pegawai ini adalah baru dan PRU 14 merupakan pengalaman pertama mereka dalam menguruskan pilihan raya.
- (ii) Pegawai-pegawai pembantu SPR yang dilantik untuk melaksanakan pilihan raya juga adalah baru dan PRU 14 merupakan pertama kali mereka terlibat dalam pilihan raya.
- (iii) Kurang memahami peraturan pilihan raya menyebabkan urusan pilihan raya menjadi perlahan dan pengundi perlu menunggu lama.

- (iv) Tempat mengundi di bangunan bertingkat menyusahkan mereka yang kurang upaya / uzur perlu menaiki tangga ke tingkat atas.
- (v) Setiap saluran tempat mengundi sepatutnya membenarkan 4 orang pengundi di satu-satu masa telah dikurangkan kepada 2 orang pengundi. Ini telah melambatkan proses mengundi.

Kelemahan-kelemahan yang telah dikenalpasti ini telah dimaklumkan dalam *post mortem* pilihan raya. Namun begitu, keberkesanan penambahbaikan berkenaan hanya boleh dilihat pada Pilihan Raya Umum ke 15.